

Ruj :
Tarikh :

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM BAGI PAKAR PERUBATAN/PEGAWAI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/2010 : Garis Panduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar (LOKUM) di Sektor Swasta oleh Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 5/2006 : Tatacara Pelaksanaan Pegawai Perubatan dan Pergigian Berdaftar Melakukan Pekerjaan Luar (LOKUM) membenarkan seseorang Pegawai menjalankan pekerjaan luar setelah mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan.

3. Sehubungan itu, semua permohonan untuk menjalankan Lokum bagi Pakar Perubatan/Pegawai Perubatan perlu mendapat kelulusan Pengarah Kesihatan Negeri. Pemohon perlu mengisi borang permohonan seperti di **Lampiran 1** dan mendapatkan sokongan dari Ketua Unit/Pengarah Hospital/Pegawai Kesihatan Kawasan masing-masing. Pengarah Hospital dan Pegawai Kesihatan Kawasan adalah **bertanggungjawab sepenuhnya terhadap permohonan** yang disokong.

4. Urusetia peringkat Hospital/Pejabat Kesihatan perlu memastikan permohonan tersebut lengkap di isi dengan menggunakan senarai semak di **Lampiran 2** sebelum dihantar kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan). Pihak Hospital/Pejabat Kesihatan juga perlu mewujudkan pengkalan data permohonan bagi tujuan pemantauan.

5. Semua permohonan akan disemak terlebih dahulu oleh Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS), selaku urusetia di peringkat negeri, sebelum dikemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sabah untuk kelulusan. Sesalinan Lampiran 1 yang telah diluluskan akan dihantar kepada Hospital/Pejabat Kesihatan. Carta alir permohonan melakukan lokum (**Lampiran 3**) adalah berkaitan.

6. Bersama ini dilampirkan bersama untuk rujukan tuan/puan :
- i. Lampiran 1 - Borang permohonan menjalankan lokum
 - ii. Lampiran 2 - Senarai semak permohonan lokum
 - iii. Lampiran 3 - Carta alir permohonan untuk melakukan lokum
 - iv. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/2010
 - v. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 5/2006

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA
KERJA KITA"**

Saya yang menurut perintah,

DR CHRISTINA RUNDI
Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

s.k.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)

Dr Musa Ashaari
Ketua Unit Amalan Perubatan
Bahagian Perubatan, JKN Sabah